GARIS PANDUAN CUTI DAN PENANGGUHAN PENGAJIAN PROGRAM MASTER PERUBATAN

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

1. KELAYAKAN CUTI

a. Kelayakan cuti adalah mengikut Cuti Akademik IPTA iaitu tempoh ketidakhadiran pelajar adalah tidak melebihi 28 hari per sesi akademik atau 14 hari per semester. Ini termasuk cuti sakit dan cuti bersalin.

b. Semasa dalam tempoh penangguhan pengajian, kelayakan cuti pelajar adalah mengikut kemudahan cuti di bawah Perintah Am Bab C.

c. Semasa penempatan di hospital KKM, Ketua Jabatan KKM boleh menimbangkan dan meluluskan permohonan Cuti Tanpa Rekod untuk menghadiri kursus berkaitan dan peperiksaan di universiti tertakluk kepada syarat-syarat HLP.

2. PENANGGUHAN PENGAJIAN

a. Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan atau perlanjutan tempoh pengajian, pelajar perlu menghantar surat permohonan kepada Dekan Fakulti melalui Penyelaras Program beserta sebab-sebab yang munasabah.

Semakan: 3 Mei 2017